

# IDENTITI DAN INDIVIDUALITI PEREMPUAN MELAYU DALAM HIKAYAT SYAMSUL ANUAR

*IDENTITY AND INDIVIDUALITY OF MALAY WOMEN IN HIKAYAT SYAMSUL ANUAR*

**Noraisah YUSOP\*<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia

\*<sup>1</sup>aishah\_nor@gmail.com

Corresponding author\*

*Received: 12<sup>th</sup> March 2024*

*Accepted: 5<sup>th</sup> October 2024*

## ABSTRAK

Imej perempuan Melayu dalam sastera Melayu lama banyak dikaji dan pelbagai tafsiran ditemukan. Terdapat kajian yang membela kedudukan mereka dan ada yang sebaliknya. Kajian-kajian lain pula mendapati perempuan dijadikan sebagai hadiah dan pemuas nafsu dalam kerajaan Melayu lama. Kesan imej seperti ini dibesar-besarkan sehingga menyingkir kebolehan perempuan yang lain. Tanggapan seperti ini banyak dikritik feminis dunia ketiga kerana bercitrakan orientalis. Wacana sebelumnya mengatakan perempuan Melayu itu antaranya tidak mampu membela nasibnya, lemah dan tidak berkuasa, tetapi beberapa himpunan hikayat yang dikaji di sini mampu menunjukkan kemampuan perempuan yang menentukan hidup mereka sendiri. Justeru, kajian ini ingin melihat perubahan yang berlaku pada imej perempuan pada pinggir abad ke-19 melalui *Hikayat Syamsul Anuar* yang ditulis oleh pengarang wanita yang membezakannya dengan hikayat Melayu lama terdahulu, iaitu imej individualitinya. Imej ini tentulah menarik untuk dibahaskan terutamanya dalam banyak wacana yang membicarakan wanita dan kolektivisme. Hanya beberapa hikayat sahaja dipilih sebagai bandingan kerana keterbatasan individu dari segi masa dan tenaga. Peranan perempuan sering diketepikan bukan sahaja dalam konteks sejarah, tetapi juga dalam teks. Dapatan menunjukkan perempuan Melayu telah lama mempunyai identiti dan individualiti dengan wacana dan wahananya sendiri dalam menentukan nasib diri dan juga bangsa. Walaupun salah satu ciri sastera Melayu lama tidak terkecuali daripada mitos, namun hal ini tidak akan mengurangi nilai-nilai sejarah yang terkandung di dalamnya. Kajian ini diharap dapat menjadi perintis kajian lanjutan dengan menggunakan kekayaan manuskrip lama yang lain.

**Kata kunci:** individualiti; pascakolonialisme; sastera melayu; kepimpinan wanita; pengarang wanita

## ABSTRACT

External historical perspectives, with their Eurocentric origins and biases, should not be used to validate or invalidate other historical narratives. The image of Malay women in classical Malay literature has been extensively studied, yielding various interpretations. Some studies defend their status, while others depict them less favourably. Numerous studies have portrayed women as mere objects of desire or rewards within the structure of ancient Malay kingdoms. These representations have been exaggerated to the extent that they overshadow other capabilities of women. Third-world feminists have widely critiqued such perceptions for their orientalist undertones. Previous discourses often portrayed Malay women as powerless, weak, and lacking autonomy. However, the analysis of several collections of classical Malay literature presented here demonstrates that Malay women were, in fact, capable of shaping their destinies. Consequently, this study aims to examine the shifting portrayal of women at the turn of the 19th century, focusing on *Hikayat Syamsul Anuar*, a text written by a female author. This work differs from earlier classical Malay texts in its emphasis on the individuality of its female characters. This shift in representation is particularly compelling when considered within broader discussions about women and collectivism. Due to time and resource constraints, only a few *hikayat* are selected for comparison in this study. These findings can serve as a foundation for future research, utilizing the rich reservoir of other historical manuscripts. The role of women has often been marginalized, not only in historical contexts but also in texts. This study reveals that Malay women have long possessed a distinct identity and individuality, with their discourses and mediums through which they influenced their destinies and the fate of their nations. Although classical Malay literature often incorporates mythical elements, this is separate from the historical value of these texts.

**Keywords:** individuality; postcolonialism; Malay literature; women's leadership; female author

## Pengenalan

Pada akhir abad ke-19, Pulau Penyengat di kepulauan Riau sudah muncul sebagai pusat budaya, sastera dan bahasa Melayu yang hebat. Kehebatan ini menunjukkan lahirnya ramai pengarang dengan karya yang hebat dan terdapat beberapa buah karya sastera yang membawa isi dan tema baru. Antara isi dan tema adalah berdasarkan gender dan seksualiti yang dapat dirujuk pada karya Khatijah Terung dan Raja Aisyah Sulaiman. Menurut Ding (1999), “Kehebatan Pulau Penyengat sukar ditandingi tempat lain daripada segi bilangan penulis, jumlah karya dan keanekaragaman isi kandungan karya dan terdapat pembaharuan yang dilakukan oleh beberapa orang penulisnya. Peningkatan bilangan pengarang perempuan telah menyebabkan berlakunya perjuangan kebebasan dan hak perempuan. Hal ini berikutan gerakan pemodenan, defeudalisasi, pembaharuan dan pendemokrasian yang dibawa dari Timur Tengah.”

*Hikayat Syamsul Anuar* bermula dengan kelahiran Malkatul Badrul Muin Malikul Ziad, puteri dari keturunan jin dan manusia. Malikul Ziad pernah bersumpah; “Jika tiada sama dengan puteranya daripada barang suatu sebagainya, tiadalah Saidatul Badrul Muin dengan wazirnya Waznah itu diberi baginda bersuami selamanya.” (*Hikayat Syamsul Anuar*, p.7). Petikan ini menunjukkan kemuliaan Badrul Muin sehingga jika perlu dikahwinkan mestilah dengan mereka yang sama darjat dengannya. Dalam teks ini juga, watak perempuan ada wajah, suara dan keindividualan yang berbeza dengan imej tipikal perempuan dalam teks-teks sebelum ini. Imej perempuan tipikal yang biasa ditemukan ialah perempuan kampung, bangsawan, inang, dayang, pengasuh dengan peranan mereka sebagai pengikut raja, isteri dan ibu, sedangkan terdapat imej lain bagi perempuan Melayu, iaitu sebagai pahlawan, pemimpin, ketua keluarga, penguasa ekonomi dan pengarang. Dengan mengetahui identiti dan peranan perempuan Melayu, kita dapat mengenal dengan lebih dekat lagi identiti perempuan Melayu dahulu dan layanan budaya Melayu terhadap perempuan sekali gus lelaki di samping meneruskan usaha mengangkat wacana alternatif yang selalu terpinggir dalam lapangan ilmu sosial global.

*Hikayat Syamsul Anuar* oleh Raja Aisyah Sulaiman, adalah antara teks sastera Melayu yang terakhir merupakan karya seorang perempuan Melayu yang membesar di istana. Perkembangan itu membayangkan istana Melayu di Pulau Penyengat sudah mendapat nafas pemodenan, pembebasan dan pendemokrasian seperti yang disoroti Ding dalam kajiannya (1999). Dalam *Hikayat* ini, Badrul Muin digambarkan seorang perempuan yang luar biasa dalam erti kata beliau tidak memerlukan bantuan orang lain. Badrul Muin menolak mana-mana kuasa yang menghalangnya daripada hidup secara sendiri. Puteri digambarkan bijak dan lebih berkuasa daripada perempuan lain. Hal ini tidak bermakna perempuan yang lain kurang bijak cumanya mereka itu tidak dapat menonjolkan keindividualan masing-masing. Bagi pengarang, kisah Badrul Muin yang menyamakan diri sebagai Affandi Hakim adalah manifestasi imajinasinya. Beliau cuba menonjolkan kehebatan dan pemikiran seorang perempuan Melayu. Hal yang sama mungkin berlaku pada Tun Seri Lanang ketika menggambarkan watak Puteri Gunung Ledang sebagai protes sosial terhadap sultan. Tindak balas ini sebagai refleksi tekanan yang dialaminya dalam masyarakat yang mengakibatkan keserakahan seksual dan keinginan sultan berkuasa ke atas perempuan. Ternyata masalah kebebasan, keindividualan dan hak sebagai manusia yang bebas, yang ada suara dan nama masih dialami Raja Aishah Sulaiman. Justeru, melalui watak Badrul Muin sebagai senjata politik untuk menentang kuasa yang berlaku ke atas dirinya. Sebagaimana Ding (1999) menyatakan penyamaran merupakan senjata ampuh bagi perempuan ketika itu, begitu juga yang dilakukan Tun Seri Lanang yang mencipta watak dan legenda Puteri Gunung Ledang untuk menyampaikan protesnya secara tidak langsung kepada raja. Hal ini juga diperlihatkan melalui watak Badrul Muin dengan perwatakan di luar budaya Melayu tradisional.

## Metodologi Kajian

Antara karya yang dipilih misalnya, *Hikayat Raja Pasai* suntingan Russel Jones, *Hikayat Aceh* suntingan Teuku Iskandar, *Sejarah Melayu* suntingan A. Samad Ahmad (2008) dan versi Raja Bungsu (2009), *Hikayat Hang Tuah* suntingan Kassim Ahmad dan *Hikayat Syamsul Anuar* suntingan Muhammad Haji Salleh dan Ding Choo Ming. Bahan utama ini dilengkapi dengan bahan sampingan daripada karya sastera Melayu lama lain dan sastera Melayu moden sebagai bandingan. Teks sastera Melayu moden, seperti *Layar Terkembang*, *Hikayat Mariah*, *Calon Arang* dan lain-lain adalah untuk menonjolkan perubahan dan perbezaan imej yang dialami perempuan Melayu dalam masyarakat zaman peralihan. Terdapat perbezaan dan perubahan dalam *Hikayat Syamsul Anuar* dan *Hikayat Nakhoda Muda* yang berkaitan imej perempuan. Penekanan perlu melibatkan perubahan imej dari masa ke masa yang melibatkan perkembangan imej dari segi sejarah. Ringkasnya, kajian ini menumpukan perhatian ke atas identiti perempuan Melayu dibatasi dengan lima hikayat yang dipilih dan disokong karya sastera moden.

Kajian ini menjelaskan kesinambungan perubahan imej perempuan dalam karya Melayu lama, dan abad ke-19 yang diwakili oleh pengarang *Hikayat Syamsul Anuar*, iaitu Raja Aishah Sulaiman. Pada akhir abad ke-19, satu lagi titik “masa peralihan” yang membawa banyak perubahan kepada masyarakat Melayu. Antara perubahan yang ketara adalah masyarakat Melayu feudal telah beralih kepada masyarakat yang moden kerana pengaruh Eropah. Sebahagian perubahan telah dirakamkan dalam karya sastera ketika itu. Antara karya yang melihat perkembangan baru imej perempuan Melayu ialah *Hikayat Syamsul Anuar*. Karya ini menunjukkan cirinya sendiri dari segi rekaan dan kreativiti pengarang yang menggambarkan keinginan perempuan dan norma masyarakat pada ketika itu. Terdapat kemiripan antara karya ini dengan cerita panji dari segi teknik penceritaan dengan menggunakan unsur penyamaran, perpisahan dan perjumpaan semula serta kelainan yang ditonjolkan oleh perempuan bangsawan dan inang pengasuh atau dayang yang membezakan dengan *Sejarah Melayu*, *Hikayat Raja Pasai* dan *Hikayat Aceh*. Namun, perbezaan ini menunjukkan kelebihan atau kekurangan satu hikayat dengan hikayat yang lain yang menggambarkan kepada kita setiap perempuan mempunyai caranya sendiri dalam mendepani masyarakat dan masalah yang membelenggu dirinya. Tambahan pula, *Hikayat Syamsul Anuar* abad ke-19 berbeza daripada hikayat lain kerana rekaan pengarang (Ding, 1999).

Perbincangan tentang perkembangan baru imej perempuan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama akan memperincikan abad ke-19 dari segi kelainan imej perempuan yang memiliki individualiti yang membezakannya dengan abad-abad awal. Bahagian kedua pula akan menunjukkan secara ringkas perkembangan imej baru perempuan dalam beberapa buah sastera moden Indonesia dan Malaysia. Imej perempuan dalam beberapa novel yang terpilih akan cuba dijelaskan secara ringkas kerana memiliki kemiripan dengan sastera Melayu lama, iaitu *Hikayat Syamsul Anuar*.

## Imej Perempuan Baru Dalam Imajinasi Pengarang Melayu

### Penyamaran

Dalam *Hikayat Syamsul Anuar*, Badrul Muin menyamar sebagai Afandi Hakim. Penyamaran sebagai lelaki, Badrul Muin mampu untuk melakukan perkara yang boleh dilakukan lelaki, tetapi dilarang jika pelakunya ialah seorang perempuan. Bagi membebaskan perempuan daripada segala kongkongan, Raja Aisyah terpaksa menggunakan teknik penyamaran, iaitu watak perempuan sebagai lelaki yang boleh didapati dalam cerita panji dan juga *wayang ketropak* di Jawa. Selain itu, di China dalam cerita legenda *Hua Mok Lan* (花木蘭). Watak utama dalam *Hikayat Syamsul Anuar* (1999) ini bukanlah Syamsul Anuar melainkan Badrul Muin, iaitu seorang perempuan dan puteri yang mewarisi takhta ayahandanya, Malikul Ziad. Hal ini disebabkan watak Badrul Muin serta kehebatannya sentiasa disebut-sebut dalam teks ini.

Dimulakan dengan penyamaran dirinya, dia mengajak empat puteri lain (tiga daripadanya puteri raja) menyamar sebagai lelaki, berpakaian cara lelaki dan ke luar istana untuk mengembara dari satu tempat ke tempat yang lain. Keperluan menyamar seperti lelaki ketika ke luar istana ditekankan pada, “..kerana sangat suka pada ketika berjalan, yang tiada bertentuan tempat dituju itu, hendak membawa perempuan[?]” (*Hikayat Syamsul Anuar*,p.174). Strategi penyamaran ini banyak dilakukan dalam hikayat seperti Jadual 1, iaitu:

**Jadual 1**

*Pertukaran Nama Wira dan Wirawati dalam Teks Panji Pilihan.*

<b>Teks</b>	<b>Nama Asal</b>	<b>Samaran</b>
<b>Wira</b>		
<i>Panji Narawangsa</i>	Raden Inu Kertapati/ Raden Rawisrengga	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Undakan Maduretna</li> <li>2. Tumenggung Cakranagara</li> <li>3. Dewa Marwata</li> </ol>
<i>Hikayat Misa Taman Jayeng Kusuma</i>	Raden Asmara Jaya/ Raden Inu Kertapati/ Anakan Asmaraningrat	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ajar Ragapati</li> <li>2. Misa Jayeng Kusuma Sira Panji Seteru</li> <li>3. Kalana Adimerta Sira Panji Seteru</li> <li>4. Misa Edan Sira Panji Jayeng Kusuma</li> </ol>
<i>Cekel Wanengpati</i>	Raden Inu Kertapati	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Cekel Wanengpati</li> <li>2. Pangeran Adipati Tambak Baya</li> <li>3. Misa Pangunungan Panji Anglang Asmara</li> <li>4. Tumenggung Aria Wangsa</li> <li>5. Pangeran Aria Wangsa Adipati Ing Gagelang</li> <li>6. Birut Merta</li> <li>7. Batara Anum Cakrawati Kusuma Wilis</li> </ol>
<i>Panji Semirang</i>	Raden Inu Kertapatin @ Raden Asmaraningrat	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pangeran Panji Jayeng Kusuma</li> </ol>
<i>Panji Jayengtilem</i>	Panji Asmarabangun	
<i>Wangbang Wideya</i>	Raden Makaradwaja	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Wangbang Wideya Apanji Waraswara</li> </ol>
<i>Candra Kirana</i>	Raden Panji Kuda Wanengpati	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kalana Jayengsari</li> </ol>
<i>Panji Raras</i>	Panji Raras	
<i>Syair Ken Tambuhan</i>	Raden Inu Kertapati @ Raden Mantri	
<i>Panji Semirang</i>	Raden Inu Kertapati @ Kuda Rawisrengga @ Pangeran Pranajiwa	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Misa Angulati Sira Panji Sangulara</li> <li>2. Kalana Edan Sebanjar Sira Panji Margasmara</li> </ol>
<b>Wirawati</b>		
<i>Panji Narawangsa</i>	Raden Galuh Candra Kirana @ Sekartaji	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Raden Wasi Jayeng resmi</li> <li>2. Undakan Narawangsa</li> </ol>

		<ol style="list-style-type: none"> <li>3. Kuda Jayengsekar</li> <li>4. Wasi Anjayengresmi</li> <li>5. Citralangenan</li> </ol>
<i>Hikayat Misa Taman Jayeng Kusuma</i>	Raden Kusumaningrat Lasmipuri @ Raden Galuh Candra Kirana	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ken Segerbaningrat</li> <li>2. Endang Kusuma Jiwa</li> <li>3. Misa Jelujuk Sira Panji Marling Daha</li> <li>4. Kalana Merta Jiwa Sira Panji Marling Daha</li> <li>5. Prabu Anom Tambak Kencana</li> </ol>
<i>Cekel Wanengpati</i>	Raden Galuh Candra Kirana	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Panji Semirang Asmarantaka</li> <li>2. Gambuh Warga Asmara</li> </ol>
<i>Panji Jayengtilem</i>	Puteri Sangkaningrat	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kalana Madubrangta</li> <li>2. Panji Jayengtilam</li> </ol>
<i>Wangbang Wideya</i>	Raden Warastrasari	
<i>Candra Kirana</i>	Dewi Sekartaji	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Wira Bertopeng</li> </ol>
<i>Panji Raras</i>	Ratna Galuh Sekartaji	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Limaran</li> </ol>
<i>Syair Ken Tambuhan</i>	Raden Puspakencana	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ken Tambuhan @ Ken Tabuh</li> </ol>
<i>Panji Semirang</i>	Raden Galuh Candra Kirana	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Endang Sangulara</li> <li>2. Jatisari</li> <li>3. Kuda Semirang Sira Panji Pandairupa</li> </ol>

(Sumber: Abdul Rahman Kaeh, 1989)

Jadual 1 di atas menunjukkan senarai watak yang telah melakukan penyamaran seperti yang dilakukan Badrul Muin dalam *Hikayat Syamsul Anuar*. Usaha yang dilakukan Raja Aishah Sulaiman ini merupakan satu sumbangan karya tradisional yang mempunyai mesej tersirat, sudah tiba masanya lelaki menjadi wahana dalam wacana pengucapan perempuan (Siti Hajar, 2007, p.46).

Setelah kematian ayahandanya, Badrul Muin mengembara dengan gelaran Afandi Hakim untuk mengelakkan pinangan yang tidak putus-putus daripada segala raja. Kehebatan Afandi Hakim adalah luar biasa. Setiap negeri yang dilawati olehnya jika terdapat masalah mesti dapat diselesaikan. Pada permulaannya, beliau hanya ditemani anak wazir, Waznah yang juga menyamar sebagai Badlan. Kemudian barulah dituruti puteri-puteri. Jika beliau berkenan dengan puteri raja, Afandi Hakim akan mengahwininya dan membawa isteri-isterinya berjalan dan menyamar sebagai lelaki. Hal ini turut berlaku kepada watak Tuan Puteri Nurul Fuad (Nasran), Tuan Puteri Haziah (Mahwar) dan Tuan Puteri Mazniah (Qaman). Tujuan mereka menyamar kerana masyarakat patriaki itu tidak menerima kehebatan perempuan secara terbuka. Perkara itu disebabkan oleh imej keindividualan dan kebebasan perempuan adalah imaginasi pengarang, tidak kira lelaki atau perempuan.

Sepanjang hikayat ini diceritakan, peristiwa Badrul Muin melarikan diri daripada Syamsul Anuar yang sangat dibencinya. Afandi Hakim akhirnya bertemu dengan Syamsul Anuar yang setara dengannya. Beliau menjadi perempuan semula dan diketemukan sekali lagi dengan Syamsul Anuar yang telah lama menaruh syak bahawa saudaranya itu seorang perempuan. Badrul Muin tetap sahaja tidak sependapat di bawah Syamsul Anuar walaupun telah berkahwin dengan pujukan dan lemah lembut. Imej yang dimiliki Badrul Muin ini juga ditunjukkan oleh watak Tun Fatimah, Tun Teja, Puteri

Gemerengang dan Puteri Gunung Ledang dalam *Sejarah Melayu, Hikayat Raja Pasai dan Hikayat Hang Tuah*.

### Stereotaip

Penonjolan imej Badrul Muin dalam *Hikayat Syamsul Anuar* adalah satu penceritaan yang baik daripada pengarang untuk membuang stereotaip dan imej yang dikenakan kepada perempuan dan lelaki. Stereotaip dan imej yang biasa dikenakan pada perempuan ialah lemah, pasif, jahil, pengecut. Sebaliknya, puteri dilihat berani, bijaksana dan berkuasa. Kebijaksanaannya ini ditunjukkan apabila dalam segala ilmu, Badrul Muin yang 'mengajarkan' Syamsul Anuar yang setara dengannya itu seperti petikan *Hikayat Syamsul Anuar* di bawah ini, iaitu:

“Tiada hajat patik (Malik Afandi) pada melihat akan kitab tuanku, kerana patik tiada mahu memakai hukum yang di dalamnya. Siapa yang hendak, silalah tuanku tunjukkan dan jadilah ia jumlah tuanku yang mengamalkan ilmu kitab isi hampirlah gerangan meluluskan orang yang tidak sembahyang.”

(*Hikayat Syamsul Anuar*, p.175)

“Dari sebab itulah maka patik hendak beristeri ini. Sudah habis benar-benar siasat patik atas perempuan, baharu patik berkahwin dengan dia. Tak kuasa pula patik menggantungkan hati pada tempat sukar-sukar, akhirnya sendiri juga binasa kerana tiada suatu manfaatnya; dengan sebab perempuan sampai binasa akal pengetahuan; faedah suatu pun tidak.”

(*Hikayat Syamsul Anuar*, p. 188)

Tingkah laku dan penyamaran Badrul Muin seperti di atas ini mirip dengan imej Siti Zubaidah dalam *Syair Siti Zubaidah*. Sifat Badrul Muin ini memenuhi sifat perempuan sejati seperti boleh memimpin, gagah berani, bijaksana, cantik rupa paras, bersuara merdu, wirawati seperti perwatakan Siti Zubaidah (Siti Hajar 2007; Fuziah Kartini et al. 1998). Imej kaum Melayu sebagai pahlawan bukanlah baru. Keupayaan perempuan sebagai pahlawan ini juga telah lama dirakam sejarah Reid (1988, 2005). Sifat berani yang ada pada perempuan ini juga ditonjolkan kuat dalam *Hikayat Bakhtiar*, melalui peranan Siti Denar yang berani membela suaminya di hadapan sultan.

Selain kegigihan Badrul Muin sama dengan imej Siti Zubaidah dalam *Syair Siti Zubaidah*, penyamaran dan kebijaksanaannya juga seperti Puteri Ratna Kemala dalam *Hikayat Nakhoda Muda*. Dalam *Hikayat Nakhoda Muda*, puteri telah mengatasi kepandaian dan tipu muslihat Raja Bikrama Indera. Puteri yang menyamar sebagai seorang lelaki dalam teks ini menyerupai imej kehebatan yang ada pada Badrul Muin. Pengarang *Hikayat Syamsul Anuar* didapati cuba membuang stereotaip yang dikenakan pada Afandi Hakim yang ditunjukkan dalam situasi ketika Afandi Hakim terpaksa datang dengan anak angkat bagi membuktikan dirinya itu lelaki. Usaha penyamaran yang cuba dilakukan oleh pengarang dalam teks ini bukan sahaja cuba meruntuhkan stereotaip perempuan, tetapi juga cuba meletakkan kedudukan setara antara lelaki dan perempuan. Imej yang dilekatkan pada perempuan dan lelaki itu boleh berubah. Stereotaip mudah digugat kerana stereotaip hanya bersandar pada pengitlakan (generalisasi) umum.

Keadaan ini menunjukkan pada kita bahawa sesuatu sifat itu bukan diwarisi yang boleh berada pada perempuan atau lelaki. Melalui watak Tun Beraim Bapa, Djohan Alam dan Galuh Cendera Kirana dalam *Hikayat Raja Pasai, Hikayat Aceh dan Hikayat Panji Semirang* yang sangat pengasih pada orang sekelilingnya menunjukkan imej 'pengasih' yang dikatakan terdapat banyak pada perempuan dan lelaki. Sifat lembut dipandang tinggi dan kekerasan bukan selamanya sifat yang disanjung. Stereotaip

seperti 'menangis', 'emosional' yang selalu sahaja dilekatkan pada perempuan juga terdapat pada lelaki, misalnya dalam *Hikayat Hang Tuah* (Kassim Ahmad, 2008, p.65 dan p.83).

"Maka ia [Ratu Melayu] pun cucur air matanya dan Raja Melaka pun belas hatinya..maka baginda pun menitik air matanya."

(*Hikayat Hang Tuah*, p. 67).

"Adakah adat laki-laki yang demikian? Yang sudah diperbuat itu menyesal."

(*Hikayat Hang Tuah*, p. 229).

*Hikayat Hang Tuah* cuba memaparkan norma yang dikenakan pada lelaki, bahawa lelaki juga tertakluk kepada hukum masyarakat dan menerima kesan atas setiap tindakan yang dilakukan seperti Laksamana Hang Tuah (*Hikayat Hang Tuah*), Sultan Malikul Mahmud dan Sultan Ahmad (*Hikayat Raja Pasai*) dan Sultan Mahmud Syah/ Sultan Mansur Syah (*Sejarah Melayu*) berdepan dengan keruntuhan kerajaan yang dipimpin atau dinaunginya akibat perilaku buruk mereka. Watak-watak lelaki ini digambarkan mempunyai moral yang rendah dan tidak seperti watak perempuan dalam teks yang sama dilihat hebat dan berani. Di sini, pengarang telah memainkan peranannya dengan menonjolkan imej perempuan yang mulia dan bepekerti baik. Malah, dalam *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Syamsul Anuar* dan *Hikayat Amir Hamzah*, yang dipanggil sebagai pahlawan itu bukanlah seperti judul hikayat itu tetapi perempuan; Tun Fatimah, Badrul Muin dan Puteri Mihran Negara.

Pengisahan imej secara meluas dalam teks-teks sastera menunjukkan sifat yang dikatakan ada pada perempuan dan lelaki itu bukan warisan, tetapi dipengaruhi lingkungan, tidak ada sesuatu sifat yang khas lelaki atau khas wanita. Teks di atas berupanya melihat kembali peranan yang dimainkan oleh wanita dan lelaki dan sikap ambivalens masyarakat terhadap kedua-duanya. Wanita didapati harus menyamar sebagai lelaki untuk diterima masyarakat. Penyamaran ini merupakan cara pengarang untuk menunjukkan identiti itu longgar dan mempengaruhi kedudukan dan peranan yang dimainkan watak dalam teks dan konteks.

## Keindividualan

Keindividualan ini ketara dalam watak-watak perempuan dalam *Hikayat Syamsul Anuar*. Sejak kecil lagi raja-raja berkehendakkan Badrul Muin dan Malikul Ziad, iaitu ayahndanya tidak habis-habis menerima hadiah daripada mereka. Keadaan ini mendorong Badrul Muin mengambil keputusan untuk ke luar dan menyamar sebagai lelaki kerana ingin bebas daripada kongkongan istana dan perkahwinan yang mengikat perempuan yang tipikal. Beliau bukanlah daripada jenis perempuan yang tipikal kerana memiliki keberanian dan pendirian tegas sepanjang perjalanannya dan cubaannya menghakis godaan Syamsul Anuar. Malah Afandi Hakim menaruh benci yang dalam terhadap Syamsul Anuar, mungkin ini didorong dengan sikap Syamsul Anuar yang suka mendesaknya seperti berikut, iaitu:

"Jikalau anak raja yang memerintah sekalian dunia ini pun mudah berseparah dari hal adinda tiada pula jalannya benci akan dia, istimewa pula suka akan dia, kerana kita disuruh bersahabat dengan orang yang berakal dan berpengetahuan. Adapun anak raja itu sungguh pun masyhur berakal dan berilmu, sekarang sudah rosak rupanya, tetapi ia sendiri yang merosakkan dirinya, wal hasil tinggalkan dia dengan hal dia."

(*Hikayat Syamsul Anuar*, p. 193)



Petikan di atas ini jelas menunjukkan Badrul Muin tidak dapat dipaksa untuk mengahwini seseorang apatah lagi jika bersahabat sekalipun perlulah dari golongan cerdik pandai. Itulah syarat yang diletakkannya secara tidak langsung dalam memilih pasangan. Malah, *Hikayat Syamsul Anuar* yang menggambarkan perempuan pada abad ke-19 sudah mula menerima keterbukaan dan individualiti bawaan modenisasi. Oleh itu, perempuan lebih bersifat ekspresif dan menolak kahwin paksa dan poligami. Hal ini berdasarkan kata-kata Tuan Puteri Junainah yang memarahi juari, “Aku tiada suka nanti didengar oleh segala isteri Malik Afandi Hakim itu dikatanya pula aku hendak merebut suaminya. Alangkah aibnya!” (*Hikayat Syamsul Anuar*, p.288). Keadaan ini diungkapkan oleh Swettenham (1948: 154), “idea berkongsi lelaki dengan banyak perempuan sangat menjijikkan bagi mereka. Pendapat ini berkemungkinan jarang sekali diluahkan kepada lelaki, dan tidak pernah dibangkitkan kecuali perlu, tetapi dibincang dalam kalangan perempuan”.

Keindividualan Afandi Hakim atau Badrul Muin juga terlihat ketika disuruh kembali oleh Abul Arifin lalu dijawabnya, “Melainkan kiranya tiada ayahanda kabulkan seperti maksud anakanda ini, nescaya tiadalah anakanda mahu memakai cara perempuan selama-lamanya” (*Hikayat Syamsul Anuar*, p.135). Selain Badrul Muin, ketiga-tiga puteri yang lain juga mempunyai autonomi atas diri mereka, tidak mampu dipaksa oleh sesiapa jika tidak berkenan di hatinya dan tanpa kerelaannya, “Tiada jalannya sekali-kali ia hendak murka atau memaksa kakanda [Tuan Puteri Mazniah],” (*Hikayat Syamsul Anuar*, p.739). Dari sini dapatlah dikatakan bahawa kebebasan mutlak yang dikehendaki Badrul Muin dan kawan-kawannya itu adalah imaginasi Raja Aisyah sendiri dalam masyarakat Melayu feodal yang telah mengalami perubahan besar di akhir abad ke-19.

Selain watak perempuan di akhir abad ke-19 yang menunjukkan keindividualan seperti Badrul Muin dalam *Hikayat Syamsul Anuar*, terdapat watak perempuan Melayu dari abad sebelum abad ke-19. Contoh paling menonjol ialah Tun Fatimah dalam *Sejarah Melayu* yang berani mencabar autoriti yang jarang dilihat dalam masyarakat feodal Melayu. Perwatakan Tun Fatimah lebih realistik berbanding dengan Badrul Muin dalam konteks masyarakat yang berbeza (Ayu Haswida, 2021). Perkara yang nyata adalah ruang lingkup gerakan Badrul Muin adalah lebih luas berbanding Tun Fatimah dalam ruang istana. Pengguguran oleh Tun Fatimah menunjukkan kuasa individunya ke atas tubuhnya sendiri. Perbuatannya itu boleh juga ditafsir sebagai keberaniannya untuk mencabar raja, manusia yang paling berkuasa dalam masyarakat Melayu masa itu dengan mengguna kuasanya sebagai perempuan. Perkara ini menunjukkan unsur individualiti beliau dan kesediaan beliau untuk menderita dengan hukuman masyarakat bagi mengekalkan autonomi perempuan tradisional.

Latar belakang masyarakat Melayu di akhir abad ke-19 masih lagi masyarakat tradisional yang mementingkan kepentingan kolektif. Hal ini tidak bermakna tidak ada keindividualan. Keindividualan yang paling ketara ialah pengarang bebas mengeluarkan idea mereka sesuai dengan kehendak masyarakat kolektif itu dalam erti kata mengarang mesti mengikut konvensi, peraturan, hukum dan tradisi kepengarangan. Pada umumnya, masyarakat yang berfungsi secara kolektif, masih terikat kepada tanggungjawab sosial yang biasanya memakan masa dan kebebasan mereka. Walau bagaimanapun, Raja Aisyah misalnya, sebagai pengarang Melayu tradisional yang terakhir merupakan seorang pengarang ekspresif (Ding, 1999) yang berani menulis tentang kehendaknya menginginkan kebebasan dengan imej watak perempuan utama dalam *Hikayat Syamsul Anuar* itu berbeza dengan imej watak perempuan lain dalam *Hikayat Raja Pasai*, *Hikayat Aceh*, *Hikayat Hang Tuah* atau *Sejarah Melayu*.

## Imej Perempuan Melayu Dalam Sastera Baharu

Imej perempuan Melayu baharu lanjutan daripada imej perempuan lama juga ditunjukkan dalam sastera Indonesia dan Melayu moden, Takdir Alisjahbana dalam novelnya *Layar Terkembang* (2009), selain Pramoedya Ananta Toer (2003) dalam *Cerita Calon Arang* turut melengkapkan kefahaman tentang sifat patriarkal. Watak-watak seperti Tuti dalam karya *Layar Terkembang* untuk menyampaikan kritikan ke atas masyarakat daripada pandangan pengarang lelaki. Penentangan seperti itu juga ditunjukkan pengarang Melayu melalui watak Faridah Hanom, Siti Zubaidah dan Salmah yang tidak tipikal. Ketiga-tiga teks ini telah mempersoal tanggapan umum dan menghapuskan stereotaip perempuan. Kejadian yang menimpa Tun Fatimah dalam *Sejarah Melayu* juga diisyaratkan juga dalam *Cerita Calon Arang* karangan Pramoedya Ananta Toer – menghukum ‘sifat’ maskulin bukan jantintanya. Perempuan dibisukan di bawah satu kekuasaan. Apabila tiada suara, ia seolah tidak ada.

Hasil kesinambungan Tun Fatimah dalam *Sejarah Melayu*, lahir Tuti dalam *Layar Terkembang* dan Salmah dalam *Iakah Salmah* yang sangat peduli pada untung nasib perempuan. Kedua-dua watak ini dilihat aktif berbanding Faridah Hanom dalam *Hikayat Faridah Hanom* atau *Setia Asyik kepada Ma'aksyoknya*. Faridah Hanom [cuma] berdialog dengan kekasihnya, Shafik Afandi tentang kebebasan perempuan tetapi tidak turut campur dalam perjuangan itu secara peribadi (Hamzah 2003: 57). Namun, ia tidak boleh dijadikan sandaran untuk mencerminkan imej perempuan Melayu kerana ia berupa novel saduran. Malah menurut Campbell (2006, p.260), “Ia diadaptasi dari gaya Bourgeois Perancis seperti Emile Zola...watak heroinnya mungkin sekali berdasarkan ‘Bahithat al Baduyah’ dari Timur Tengah”.

Watak Salmah pula didapati individualistik dan menentang pemikiran kolot, begitu juga Tuti yang memperjuangkan nasib perempuan. Perbezaan antara keempat-empat watak ini mencerminkan budaya dan masa yang diwakilinya. Tun Fatimah terbatas dalam ruang domestik atau peribadi. Jadi, tindakan paling berani pada masa itu ialah mencederakan dirinya sendiri. Beliau mampu mengawal badannya sendiri walaupun paling dekat dengan puncak kuasa. Hal ini bukan calang-calang orang boleh melakukannya. Sementara watak Faridah Hanom, Salmah dan Tuti dihidupkan di zaman moden. Perempuan moden tidak lagi dibatasi pergerakannya, mereka mulai memasuki ruang awam. Perubahan ini sudah tentu mempengaruhi cara dan fikiran seseorang berhadapan dengan masyarakatnya. Walau bagaimanapun, Ahmad Rashid Talu dan Sutan Takdir Alisjahbana terkesan moden berdasar sikap mereka pada watak dalam novel dalam isu perempuan ini (Amri Marzali, 2023).

Kedudukan dan identiti perempuan dalam sastera moden juga tidak seperti *Hikayat Syamsul Anuar*. *Hikayat Siti Mariah* menunjukkan adanya kelaziman bahawa keluarga yang memegang autoriti menentukan jodoh anak perempuan. Keadaan ini berbeza dengan watak Badrul Muin (*Hikayat Syamsul Anuar*), Puteri Gemerenchang (*Hikayat Raja Pasai*), Puteri Gunung Ledang (*Sejarah Melayu*) dan hikayat Panji yang lain, perempuan Melayu dalam ruang yang dikatakan feudal itu sudah mempunyai kedudukan lebih baik dan memiliki kuasa dalam memilih suami. Perkembangan yang lebih baik atas autonomi yang dimiliki perempuan dalam menentukan jodohnya sudah terlihat dalam karya Melayu lama seperti *Hikayat Hang Tuah*, *Sejarah Melayu*, *Hikayat Aceh* dan *Hikayat Syamsul Anuar* berbanding sastera moden antaranya seperti *Hikayat Siti Mariah*, *Hikayat Faridah Hanom*, *Layar Terkembang*, *Iakah Salmah*, *Salina* dan *Tok Guru*.

Terdapat dinamika kekuasaan dan hubungan kompleks antara lelaki dan perempuan yang tidak patut diabaikan atau dimudahkan dengan generalisasi. Apatah lagi dalam masyarakat Melayu yang rencam budaya dan bergantung pada nilai egalitarian. Penjajahan dan perkembangan yang berlaku telah mengubah struktur masyarakat ini tadi seperti dibayangkan dalam teks-teks ini. Modernisasi yang berlaku disikapi secara kurang kritis dan menyelidik terperangkap dengan konstruksinya sendiri dengan menganggap perempuan bukan-Barat dipandang ‘terkebelakang’, ‘seksualiti naif’, ‘tidak rumit berpolitik’ (Wong, 2001). Malah watak-watak sastera moden meniru Barat bukan kerana berpihak kepada penjajah Barat, tetapi membangunkan bangsanya, hubungan penjajah-dijajah bersifat

ketaksaan, dilihat menerima, tetapi menentang”. Tafsiran ini seluruhnya menunjukkan identiti perempuan Melayu yang sentiasa berkembang.

### Kesimpulan

Walaupun imej perempuan Melayu sehingga abad ke-19 itu tidak ada sifat-sifat keindividualan seperti perempuan Melayu selepas abad ke-21, tetapi mereka tetap memainkan peranan penting dalam masyarakat. Pandangan sedemikian itu berlanjutan sehingga lahirnya watak Faridah Hanum dalam karya Syed Sheikh al-Hadi dan watak perempuan yang lebih bebas, lebih individual daripada pengarang Melayu moden. Sebelum lahirnya perempuan “moden”, “bebas” dan “individualistik” itu, sudah ada juga pengarang Melayu yang menonjolkan imej perempuan yang hebat. Badrul Muin, Puteri Gunung Ledang, Tun Fatimah dan lain-lain menggambarkan pemberontakan terhadap masyarakat. Watak-watak ini mempunyai keindividualan masing-masing. Raja Aishah dalam *Hikayat Syamsul Anuar* tidak dapat bertolak ansur dengan masyarakat dan terpaksa mencari jalan untuk melarikan diri. Badrul Muin yang menyamar sebagai Affandi Hakim mengembara mencari kebebasan sendiri, hak dan rasa hormat, manakala Tun Fatimah berjuang dan berdepan dengan suaminya.

Dalam kedua-dua jenis penyelesaian, kita lihat satu reaksi negatif dan positif pengarang menyelesaikan masalah dalam masyarakat mereka. Walaupun kedua-duanya mempunyai keindividualan, tetapi cara mereka melahirkan keindividualan itu berbeza satu dengan memudaratkan diri untuk melukakan hati raja yang berkuasa, manakala yang satu lagi meminta barang-barang yang sukar ditunaikan raja. Tradisi pengarangan itu berlanjutan dan digunakan Raja Aisyah di akhir abad ke-19. Teknik penyamaran dalam *Cerita Panji Jawa* juga digunakan pengarang perempuan dari Pulau Penyengat. Badrul Muin dalam *Hikayat Syamsul Anuar* menyamar sebagai seorang lelaki dengan nama Afandi Hakim. Dengan penyamaran itu, segala sikap yang luar biasa pada Badrul Muin telah dapat ditonjolkan menurut imaginasi Raja Aishah. Antara sifat-sifat itu ialah kegigihan, kebijaksanaan, penentangan dan autonomi atas badan sendiri. Secara tidak langsung, kesemua sifat-sifat itu didapati ada pada sesetengah perempuan Melayu sejak dahulu lagi. Sikap dan pendirian Raja Aisyah menunjukkan keinginan perempuan Melayu untuk bebas daripada kongkongan sosial (Ding, 2009). Keinginan Raja Aisyah itu adalah sebahagian daripada gerakan ke arah penghapusan diskriminasi dan penindasan yang dialami masyarakat di Alam Melayu pada abad ke-19. Keinginan yang juga dikongsi watak-watak perempuan Melayu lain dalam *Hikayat Raja Pasai*, *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah* dan *Hikayat Aceh* yang diwakili oleh watak Tun Fatimah, Tun Teja, Puteri Gemerenchang, Radin Galuh Cendera Kirana, Tun Medam Peria, Tun Takiah Dara dan banyak lagi.

Walaupun masyarakat Melayu feudal itu mengutamakan kepentingan kolektif, tetapi ini tidak bermakna tidak ada keindividualan. Sebagai contohnya, kebanyakan orang mempunyai nama seperti dalam hikayat dan cerita rakyat di bawah pengaruh kebudayaan Hindu sebelum datangnya agama Islam pada abad ke-13, kemudian diikuti pengaruh kebudayaan Barat. Perkembangan sejarah itu, kita nampak kepelbagaian imej perempuan Melayu kerana pertembungan budaya Melayu sendiri dengan budaya Hindu-Buddha, Islam dan Barat. Ini bermakna sifat keindividualan bukanlah suatu yang “diimport” daripada kebudayaan Barat, kerana ia sudah ada dalam masyarakat Melayu sebelum kedatangan kebudayaan barat pada abad ke-19 lagi. Kesemua itu menunjukkan adanya kebebasan dan keindividualan dalam erti kata yang tertentu dalam masyarakat tradisional walaupun, kebebasan dan keindividualan mereka lebih-lebih lagi perempuan, tidak seperti yang dinikmati raja yang berkuasa. Imej impian Raja Aisyah itu mungkin dalam masyarakat Melayu yang sudah berhadapan dengan pengaruh budaya Barat. Dengan kata lain, baik perempuan atau pengarang Melayu sebelum abad ke-19 tidak berani melakukan “pemberontakan” seperti yang dilakukan watak Badrul Muin atau pengarangnya, Raja Aisyah Sulaiman.

## Rujukan

- Abdul Rahman Hj Ismail. (2008). Ceritera perempuan dalam Sulalat-us-Salatin. Dlm. Abdul Rahman Hj Ismail & Haron Daud (pnyt). *Sulalat-us-Salatin: Cerakinan sejarah, budaya dan bangsa*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Abdul Rahman Hj. Ismail. (2009). *Sejarah Melayu*. MBRAS.
- Amri Marzali. (2023). Sejarah awal kerajaan Melayu di Jambi. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 34(2), 65–80. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/47609>
- Anon. (1973). *Hikayat Panji Semirang*. Penerbitan Pustaka Antara.
- Ayu Haswida Abu Bakar. (2021). Wanita cantik dan kejatuhan pemerintahan hebat dalam filem “Tun Fatimah” (1962). *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 32(2), 17–38. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/33179>
- Baharudin Zainal. (1963). *Hikayat Bakhtiar*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Braginsky, V.I. (2006). Structure, date and sources of Hikayat Aceh revisited: The problem of Mughal-Malay literary ties. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde (BKI)*, 162-4, 441-467.
- Bukhari al-Jauhari. (1992). *Taj Us Salatin*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Campbell, C. (2009). The thread of eroticism in *Faridah Hanom*: An early Malay novel by Syed Sheikh al-Hadi. Dlm. Putten, Jan Van der & Mary Kilcline Cody: *Lost Times and Untold Tales from The Malay World*. NUS Press
- Ding, C. M. (1999). *Pengarang ulung perempuan Melayu: Raja Aisyah Sulaiman*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ding, C. M. (2009). Kearifan Lokal dalam Naskhah Nusantara di Pinggir Abad ke-19. Dlm. Ding Choo Ming, Henri Chambert-Loir & Titik Pudjiastuti (pnyt), *Kearifan Lokal yang Terkandung dalam Manuskrip Lama: Kertas Kerja Pilihan daripada Simposium Antarabangsa Pernaskhahan Nusantara di Bima, 2007*. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Institut Alam dan Tamadun Melayu, ATMA.
- Ding, C. M., & Muhammad Haji Salleh. (1999). *Hikayat Syamsul Anuar oleh Raja Aishah Sulaiman*. ATMA.
- Fuziah Kartini Hassan Basri, Rahman Hashim, & Faridah Ibrahim. (1998). Citra Perempuan dalam Syair Siti Zubaidah Perang Cina: Suatu Perspektif Komunikasi. Dlm. Sharifah Zaleha Syed Hassan & Rashila Ramli (pnyt). *Kedudukan dan Citra Perempuan dalam Sumber-sumber Tradisional Melayu*. Institut Alam dan Tamadun Melayu, ATMA.
- Hamzah Hamdani. (2003). Ahmad Rashid Talu: Sumbangannya dalam bidang kesusasteraan Melayu Moden. Dlm. Sohaimi Abdul Aziz (pnyt). *Ahmad Rashid Talu: Sasterawan mendahului zaman*. Penerbit USM.
- Jelani Harun. (2008). *Bustan al-Salatin: Kisah Raja-Raja yang Adil*. Dewan Bahasa dan Pustaka

- Jones, R. (1999). *Hikayat Raja Pasai*. Yayasan Karyawan & Penerbit Fajar Bakti.
- Kassim Ahmad. (1969). *Perwatakan dalam Hikayat Hang Tuah*. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kassim Ahmad. (1971). *Hikayat Hang Tuah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad. (2008). *Hikayat Hang Tuah*. Dewan Bahasa dan Pustaka & Yayasan Karyawan.
- Pramoedya Ananta Toer. (2003). *Hikayat Siti Mariah*. Lentera Dipantara.
- Reid, A. (1988). Female Roles in Pre-Colonial Southeast Asia. *Modern Asian Studies*, 22(3), 629-645.
- Reid, A. (2005). *The Indonesian Frontier: Acehnese and other histories of Sumatra*. Asia Research Institute National University of Singapore.
- Siti Hajar Che Man. (2007). *Esei-esei kritikan feminis dalam Kesusasteraan Melayu*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Sutan Takdir Alisjahbana. (2009). *Layar Terkembang*. Balai Pustaka.
- Swettenham, F. (1948). *An Account of the Origin and Progress of British Influence in Malaya*. George Allen & Unwin Ltd.
- Teuku Iskandar. (1996). *Kesusasteraan klasik Melayu sepanjang abad*. Terbitan Libra.
- Wahyunah Abd. Gani (pnyt). (2004). *Hikayat Nakhoda Muda*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Winstedt, R.O. (1941). The Panji Tales. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, XIX (Part II), 234-237.
- Wong, S. K. (2001). Revisiting Malay feminism. In: Maznah Mohamad & Wong, S. K. (Eds.), *Risking Malaysia: Culture, politics and identity* (pp. 139-158). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.